



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


14 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 442 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 225,360 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Ranau, Beluran dan Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 530 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 214,659 orang. Manakala 1,639 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 659 orang di hospital, 958 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 22 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 72 orang merangkumi 68 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 72 (37.31%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar daripada zon merah ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian bagi negeri Sabah meneruskan trend penurunan dengan (442) kes hari ini, yakni kurang (-55) kes berbanding jumlah semalam.
- b. Secara keseluruhan terdapat pengurangan kes yang didaftar di banyak daerah kecuali Kota Belud (+31), Ranau (+21) dan Kinabatangan (+21) yang kembali naik secara mendadak. Malah, Kota Belud mencatat jumlah kes yang tertinggi di Sabah hari ini dengan (54) kes, diikuti oleh Ranau dengan (51) kes.
- c. Kota Kinabalu adalah antara daerah-daerah yang mencatatkan penurunan ketara hari ini dengan 42 kes (-38), Tuaran (-15), Kota Marudu (-15) dan Penampang (-27).
- d. Statistik harian kita banyak dipengaruhi oleh tahap sikap pematuhan rakyat kepada SOP. Ini boleh dilihat daripada peratusan kes-kes sporadik yang turun naik setiap hari. Kes-kes sporadik yang juga dikenali sebagai saringan kes-kes bergejala merupakan 33.3% daripada jumlah kes hari ini, satu peratusan yang tinggi walaupun kurang sedikit daripada peratusan semalam (36.2%).
- e. Bukan semua kes yang dilaporkan setiap hari berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. Jumlah kes yang dilaporkan juga termasuk kes-kes jangkitan yang telah berlaku lebih awal daripada tempoh 24 jam yang lalu tetapi keputusan saringan hanya dilaporkan dan dimasukkan dalam statistik hari ini. Ini disebabkan antara lain masalah lojistik JKNS dan masa yang diperlukan untuk membuat pengesahan (verifikasi) setiap kes, khususnya daripada daerah-daerah yang jauh. JKNS mahu pastikan agar kesahihan setiap kes tidak menimbulkan seberang keraguan.
- f. Kesemua kes di Kota Belud (54) yang dilaporkan hari ini berlaku diluar tempoh 24 jam yang lalu, yakni 2 hari atau lebih lama. Sebanyak 36 daripada 42 kes di Kota Kinabalu juga sedemikian, 14 daripada 26 kes di Tenom, 16 daripada 36 kes di Kinabatangan dan 12 daripada 15 kes di Penampang. Mengikut statistik, cuma 232 kes (52.5%) daripada 442 kes di Sabah hari ini berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu.

- g. Keberkesanan vaksin dibuktikan melalui statistik harian kategori pesakit. Jumlah mereka yang mengalami gejala serius akibat jangkitan virus COVID-19 kekal rendah. Hari ini cuma seorang pesakit bagi setiap kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5. Selain daripada (13) kes yang masih dalam siasatan lanjut JKNS, kes-kes selebihnya (426 daripada 442) adalah dalam kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1 dan Kategori 2 adalah jangkitan yang tidak bergejala atau bergejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (248) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	19	4.30%
2	Bergejala	147	33.26%
3	Kontak	248	56.11%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	28	6.33%
JUMLAH		442	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (13 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 13/11/2021	Catatan Kes 14/11/2021	Perbandingan
1	Kota Belud	23	54	+31
2	Ranau	30	51	+21
3	Kinabatangan	15	36	+21
4	Beluran	3	8	+5
5	Putatan	11	15	+4
6	Lahad Datu	8	12	+4
7	Sipitang	12	15	+3
8	Tongod	0	2	+2
9	Tawau	7	8	+1
10	Semporna	1	2	+1
11	Nabawan	0	0	Mendatar
12	Kota Kinabalu	80	42	-38
13	Penampang	42	15	-27
14	Tuaran	61	46	-15
15	Kota Marudu	35	20	-15
16	Kudat	16	3	-13
17	Papar	33	21	-12
18	Sandakan	13	8	-5
19	Tambunan	13	8	-5
20	Keningau	22	18	-4
21	Beaufort	19	15	-4
22	Tenom	29	26	-3
23	Kuala Penyu	8	6	-2
24	Pitas	5	3	-2
25	Telupid	6	5	-1
26	Kunak	3	2	-1
27	Kalabakan	2	1	-1
JUMLAH		497	442	-55

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (31 Oktober – 13 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	35	17	0	2	54	641
Ranau	1	37	10	0	3	51	588
Tuaran	0	34	11	0	1	46	597
Kota Kinabalu	0	26	12	0	4	42	902
Kinabatangan	18	13	2	0	3	36	169
Tenom	0	24	2	0	0	26	323
Papar	0	8	11	0	2	21	283
Kota Marudu	0	11	9	0	0	20	512
Keningau	0	7	11	0	0	18	265
Penampang	0	3	10	0	2	15	396
Beaufort	0	4	9	0	2	15	517
Sipitang	0	9	5	0	1	15	146
Putatan	0	2	13	0	0	15	200
Lahad Datu	0	7	4	0	1	12	185
Tambunan	0	6	1	0	1	8	284
Sandakan	0	0	8	0	0	8	185
Tawau	0	2	6	0	0	8	211
Beluran	0	7	1	0	0	8	116
Kuala Penyu	0	5	1	0	0	6	89
Telupid	0	3	0	0	2	5	121
Kudat	0	1	0	0	2	3	260
Pitas	0	2	1	0	0	3	192
Kunak	0	2	0	0	0	2	24
Semporna	0	0	0	0	2	2	27
Tongod	0	0	2	0	0	2	32
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	7
Nabawan	0	0	0	0	0	0	39
JUMLAH	19	248	147	0	28	442	7,311

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Karanaan	1
Kinabatangan	Kluster Sawit Jati	18
Jumlah		19

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,982 unit

- Hospital 1,773 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,719 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 27.40%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 14 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	437
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
Jumlah	442

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)

Pakistan	2
Jumlah	2

Import B (Jangkitan Luar Sabah)

Perak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	406
Bukan Malaysia	36
Jumlah	442

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	96
Belum Menerima Vaksin	53
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	292
Jumlah	442

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	42
6 to 11	50
12 to 17	32
18 to 25	45
26 to 59	217
>60	52
Jumlah	442

C PERINGATAN KEPADA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN

- 1 Penggunaan aplikasi Mysejahtera **DIWAJIBKAN** di kawasan capaian internet yang luas. Pengecualian diberikan bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman. Pemegang lesen dan pemilik premis **DIWAJIBKAN** menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius serta tidak memakai pelitup muka adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis.
- 2 Pemilik premis hendaklah memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter.
- 3 Pemilik premis perlu menyediakan hand sanitizer atau tempat mencuci tangan.
- 4 Had bilangan pengunjung adalah 50% kapasiti ruang bagi Pusat Membeli Belah (*Mall*), *Hypermarket*, *Supermarket*, *Mini Market*, kedai runcit dan sebagainya.
- 5 Peraturan ini berkuatkuasa **SERTA-MERTA** dan akan dikuatkuasakan oleh **SEMUA** agensi penguatkuasa. Kegagalan pematuhan peraturan ini boleh menyebabkan pemilik premis dikompaun.

D SOP BAGI AKTIVITI *SIGN ON* DAN *SIGN OFF* KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR PERKAPALAN, MINYAK DAN GAS DI SABAH

SOP bagi aktiviti *sign on* dan *sign off* kru dan anak-anak kapal sektor perkapalan, minyak dan gas di Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 13 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,312 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,954 orang adalah penduduk dewasa dan 1,358 orang adalah penduduk remaja.

- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 13 November 2021 adalah seramai 2,434,162 orang. Ini meliputi 2,102,295 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.25% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,374,875 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,074,634 orang atau 75.21% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,867 orang atau 76.47% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 300,241 atau 69.18% orang setakat ini.

F **BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **676,578** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

G **LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,226 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak empat (4) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Masa Operasi
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 184 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah (JBPS).

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,372 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Dua (2) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Lahad Datu kepada pemilik premis.
 - iii Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 336 Premis Perniagaan melibatkan 166 anggota APM. Sebanyak 15 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 298 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 98 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tawau	98.6%
2	Kota Marudu	98.6%
3	Papar	98.6%
4	Kudat	98.6%
5	Kota Kinabalu	98.6%
6	Sandakan	98.6%
7	Tuaran	98.6%
8	Sipitang	98.6%
9	Keningau	98.6%
10	Kinabatangan	98.6%
11	Tenom	98.5%
12	Beaufort	98.5%
13	Ranau	98.5%
14	Kunak	98.5%
15	Lahad Datu	98.5%
16	Beluran	98.5%
17	Kota Belud	98.5%
18	Penampang	98.5%
19	Semporna	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN B



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAH DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

1 / 4

Dikemaskini pada 12 November 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR PERKAPALAN, MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	8 November 2021 – Tertakluk kepada tempoh ditetapkan																		
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah																		
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.																		
BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)																		
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS																	
1	Aktiviti Sign On dan Sign Off <u>Perhatian:</u> <i>Semua individu yang masuk ke Sabah dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan W.P. Labuan WAJIB mematuhi panduan kemasukan seperti di dalam SOP MKN bertarikh 12 November 2021 "atau" tarikh kemas kini yang terkini dari semasa ke semasa.</i>	<p>Pihak syarikat perlu menyediakan deklarasi kesihatan, senarai status vaksin COVID-19 kru & anak-anak kapal dan HENDAKLAH diserahkan kepada pejabat kesihatan dan imigresen di pintu masuk Sabah.</p> <p>a) SIGN ON & SIGN OFF</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Prosedur</th> <th>Telah Lengkap Divaksin</th> <th>Belum Lengkap Divaksin / Tidak layak divaksin atas sebab kesihatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sign On</td> <td>Tidak Perlu ujian COVID-19</td> <td>Perlu ujian COVID-19 (RTK Antigen)</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Tidak Perlu Kuarantin</td> <td>Tidak Perlu Kuarantin</td> </tr> <tr> <td>Sign Off</td> <td>Tidak Perlu ujian COVID-19</td> <td>Perlu ujian COVID-19 (RTK Antigen)</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Tidak Perlu Kuarantin</td> <td>Tidak Perlu Kuarantin</td> </tr> </tbody> </table> <p>Ujian RTK-Ag yang dilakukan hendaklah disahkan oleh klinik atau makmal yang melakukan ujian tersebut yang bertaualiah dan berdaftar dengan KKM. Sekiranya POSITIF hendaklah melapor dengan kadar SEGERA ke Pejabat Kesihatan yang berhampiran.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) https://sm.jksabah.gov.my/HDF/hdf.php sebelum masuk ke Sabah. ii. Penilaian Risiko akan dilakukan semasa kemasukan di Pintu Masuk Sabah. iii. Jika pengembara didapati bergejala akan diarah untuk menjalani ujian COVID-19 dan diberi HSO sehingga keputusan dikeluarkan. iv. Jika keputusan ujian COVID-19 adalah POSITIF, arahan HSO diteruskan. Majikan perlu menyediakan rumah / hotel kepada kes jika penilaian dilakukan kes berada dalam Cat 1 dan 2. Jika Cat 3 - 5 akan dirujuk ke PKRC / Hospital. v. Jika keputusan ujian COVID-19 adalah NEGATIF, kru akan diberikan pelepasan dan dibenarkan untuk Sign On. 	Prosedur	Telah Lengkap Divaksin	Belum Lengkap Divaksin / Tidak layak divaksin atas sebab kesihatan	Sign On	Tidak Perlu ujian COVID-19	Perlu ujian COVID-19 (RTK Antigen)		Tidak Perlu Kuarantin	Tidak Perlu Kuarantin	Sign Off	Tidak Perlu ujian COVID-19	Perlu ujian COVID-19 (RTK Antigen)		Tidak Perlu Kuarantin	Tidak Perlu Kuarantin		
Prosedur	Telah Lengkap Divaksin	Belum Lengkap Divaksin / Tidak layak divaksin atas sebab kesihatan																	
Sign On	Tidak Perlu ujian COVID-19	Perlu ujian COVID-19 (RTK Antigen)																	
	Tidak Perlu Kuarantin	Tidak Perlu Kuarantin																	
Sign Off	Tidak Perlu ujian COVID-19	Perlu ujian COVID-19 (RTK Antigen)																	
	Tidak Perlu Kuarantin	Tidak Perlu Kuarantin																	



PHEDNP
JKM

PEJABAT HAL EHWAH DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

2 / 4

Dikemaskini pada 12 November 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR PERKAPALAN, MINYAK DAN GAS DI SABAH

Tempoh Berkuatkuasa	8 November 2021 – Tertakluk kepada tempoh ditetapkan		
Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah		
Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.		
BIL.	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)		
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1	Aktiviti Sign On dan Sign Off <ul style="list-style-type: none"> b) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas TIDAK DIBENARKAN sign on / sign off dengan menggunakan Crew Boat / Passenger Boat / mana-mana jenis bot / helikopter, yang berlepas ke mana-mana lokasi aktiviti minyak dan gas di perairan Sabah selain tempat perlepasan di Berth No. 4, KK Port Offshore Getaway, Pelabuhan Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Terminal 2 atau Terminal Feri Antarabangsa Labuan. c) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas menjalankan aktiviti Sign On / Sign Off di Terminal Feri Antarabangsa Labuan WAJIB mematuhi SOP sedia ada yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana W.P. Labuan. d) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas menjalankan aktiviti Sign On / Sign Off di Terminal Feri Antarabangsa Labuan TIDAK DIBENARKAN untuk bergerak terus dari W.P. Labuan ke mana-mana pelantar / tapak lokasi di perairan Sabah. Kru dan anak-anak kapal tersebut WAJIB mendapatkan Arrival / Departure Clearance di Imigresen Sabah. 		

Dikemaskini pada 12 November 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR PERKAPALAN, MINYAK DAN GAS DI SABAH		
PHEDNP JKM	Tempoh Berkaguasa	8 November 2021 – Tertakluk kepada tempoh ditetapkan
	Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah
	Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.
BIL.		PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
TINDAKAN		PENERANGAN RINGKAS
2	Pintu masuk / keluar Sabah	<p>a) Hanya DUA (2) pintu masuk / keluar sahaja yang DIBENARKAN bagi tujuan pendaratan kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang terlibat dengan proses Sign On / Sign Off serta semua jenis aset sokongan marin (seperti Crew Boat, Supply Boat / Vessel, Kapal Tunda dan seumpamanya).</p> <p>b) Pintu masuk / keluar Sabah iaitu di Berth No. 4, KK Port Offshore Getaway, Pelabuhan Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Terminal 2.</p> <p>c) Tambahan pintu masuk / keluar Sabah baru di daerah Sipitang (Imigresen Sipitang) bagi tujuan arrival dan departure clearance sahaja. Aktiviti pertukaran kru dan anak-anak kapal adalah TIDAK DIBENARKAN.</p>
3	Premis Hotel / Rumah Kediaman	<p>a) Rumah Kediaman / Hotel HENDAKLAH disediakan oleh majikan dan di kawal oleh majikan. Hotel / Rumah Kediaman adalah untuk kegunaan kes kontak rapat (Cat 1 & Cat 2) sahaja.</p> <p>b) Pihak hotel HENDAKLAH menyediakan bilik khas untuk aktiviti ujian COVID-19.</p> <p>c) Kru dan anak-anak kapal HENDAKLAH menjalani ujian COVID-19 (seperti dalam SOP pengurusan kontak rapat dan pengurusan kes) di premis hotel kuarantin sahaja.</p>
3 / 4		

Dikemaskini pada 12 November 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI SIGN ON DAN SIGN OFF KRU DAN ANAK-ANAK KAPAL SEKTOR PERKAPALAN, MINYAK DAN GAS DI SABAH		
PHEDNP JKM	Tempoh Berkaguasa	8 November 2021 – Tertakluk kepada tempoh ditetapkan
	Kawasan Terlibat	Seluruh kawasan perairan Sabah
	Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN	PERGERAKAN TERUS DARI W.P. LABUAN KE PELANTAR / TAPAK LOKASI DI PERAIRAN SABAH BAGI KRU DAN VESSEL.
BIL.		PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
TINDAKAN		PENERANGAN RINGKAS
4	Imigresen	<p>a) Setiap kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang bekerja di Sabah dan perairan Sabah WAJIB memiliki <u>Pas Kerja Sabah</u> yang <u>sah tempoh</u> dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah (JIM Sabah).</p> <p>b) Hanya kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas yang <u>memiliki Pas Kerja Sabah yang sah tempoh</u> adalah DIBENARKAN untuk bekerja di Sabah termasuk diperairan Sabah.</p> <p>c) Kru dan anak-anak kapal sektor minyak dan gas DIWAJIBKAN untuk mendapat <i>Immigration Clearance</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melapor pergerakan kapal (Departure Clearance) kepada pihak Imigresen di tempat berlepas melalui agensi perkapalan yang dilantik untuk mematuhi peraturan imigresen. ii. Melapor pergerakan kapal (Arrival Clearance) kepada pihak Imigresen Sabah di tempat ketibaan melalui agensi perkapalan yang dilantik sebelum pergerakan ke Sabah High Seas. iii. Pergerakan semua kru / kapal ke Sabah High Seas hanya DIBENARKAN untuk bergerak bermula pada jam 8.00 pagi setiap hari. Manakala ketibaan di KK Port Offshore, Pelabuhan Kota Kinabalu HENDAKLAH sebelum jam 10.00 malam setiap hari. iv. Pergerakan semua kru dari KKIA-T2 ke lokasi minyak dan gas Sabah / Sabah High Seas hanya DIBENARKAN untuk bergerak bermula pada jam 7.00 pagi sehingga 10.00 malam setiap hari.
5	Lain-lain	<p>a) Semua jenis Crew Boat, Supply Boat / Vessel, Kapal Tunda dan seumpamanya DIGALAKKAN melaksanakan kerja-kerja pembersihan / nyahkuman setiap kali operasi pengangkutan selesai.</p>
4 / 4		